



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 29 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAFI SALUR RM1.1 JUTA BANTU PETANI, NASIONAL, SINAR AHAD -12 MAFI MADA JPV PERIKANAN LPP PERTANIAN LIVESTOCK AND FISHERIES INDUSTRY IN KEDAH LOSES RM286,000	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3. 4. 5. 6. 7.	SARAWAK GOVY ALLOCATES RM9M FOR FISHERMEN, NEWS IN BRIEF, NST -13 EMPAT DIPERCAYAI GUNA BOM IKAN DITAHAN, LOKAL, HM -11 EMPLOYING BIOTECHNOLOGICAL APPROACH TO BOOST GIANT PRAWN PRODUCTION, THE SUNDAY POST (KUCHING) -ONLINE TERPAUT HATI DI JELAPANG PADI, PERSPEKTIF, BH AHAD -27 KESERONOKAN 'MENGOCA' IKAN, BERMAIN BOLA SEPAK SAWAH, PERSPEKTIF, BH AHAD -28	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

MAFI salur RM1.1 juta bantu petani

Bagi membaik pulih 34 hektar sawah padi di daerah Yan yang musnah akibat fenomena kepala air

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

ALOR SETAR

Sebanyak RM1.1 juta diperuntukkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membaik pulih 34 hektar sawah padi di daerah Yan yang musnah akibat fenomena kepala air pada 18 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, sawah yang terjejas itu melibatkan kawasan di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir di daerah



Haslina meninjau tanaman petani yang rosak akibat bencana kepala air yang melanda penduduk pada 18 Ogos lalu.

Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar.

“MAFI dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya MADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Perubuhan Peladang (LPP) juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan terjejas,” jelas beliau.

“Tambah Haslina, kerosakan keseluruhan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi termasuk termakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000.

“Nilai kerosakan ini meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti termakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000,” kata beliau.

katanya ketika meninjau kawasan bencana di Yan dan Kuala Muda pada Sabtu.

Hadir sama Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaman.

Selain itu, Haslina berkata, peruntukan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan

rosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

“Sejumlah RM555,000 pula akan digunakan untuk membaik pulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemuliharaan kesuburan tanah,”

berkenaan.

Beliau berkata, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lalu.

“Daripada jumlah itu, sebanyak RM495,000 akan digunakan bagi membaiki ke-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/6/2021	BERITA NASIONAL	TV1	

MAFI MADA JPV PERIKANAN LPP PERTANIAN LIVESTOCK AND FISHERIES INDUSTRY IN KEDAH LOSES RM286,000



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2021	NST	NEWS IN BRIEF	13

Sarawak govt allocates RM9m for fishermen

SAMARAHAN: The Sarawak government has allocated an additional RM9 million for fishermen in the state under the Rainy Season Relief Aid. Deputy Chief Minister Datuk Douglas Uggah Embas said the aid was for January to March next year. He said the funds from the state government were meant to help fishermen who could not go to sea during the rainy season in the first quarter of next year. "Some 10,000 fishermen are expected to benefit from a monthly allowance of RM300," Uggah said after inspecting the construction of the state Farmers' Organisation's new headquarters building here on Friday. He said the government had set aside RM15 million for fisherman from January to March and from November to December this year.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2021	HARIAN METRO	LOKAL	11

Empat dipercayai guna bom ikan ditahan

Beaufort: Empat nelayan dipercayai menangkap hasil laut menggunakan kaedah bom ikan ditahan dalam operasi di perairan Pulau Tiga, Kuala Penyu di sini, Khamis lalu.

Dalam pemeriksaan jam 11.20 pagi, Op Bersepadu Khazanah (OBK) yang dijalankan Pasukan Gerakan Am (PGA) bersama Taman-Taman Sabah (TTS) turut merampas peralatan dipercayai untuk kegunaan membuat bom ikan.

Komander Briged PGA Sabah, Senior Asisten Komisyoner Mohd Abduh Ismail berkata, kegiatan empat nelayan itu dikesan ketika pasukannya menjalankan rondaan di perairan yang dikategorikan sebagai kawasan larangan.

Katanya, sebaik mengesan dua bot nelayan menjalankan ak-



“Kedua-dua bot cuba melarikan diri dengan memecut ke arah perairan Papar”
Mohd Abduh

HASIL laut yang dirampas.

tiviti menangkap ikan, pasukan operasi cuba menghampiri mereka untuk pemeriksaan.

“Selepas diarahkan berhenti, kedua-dua bot cuba melarikan diri dengan memecut ke arah perairan Papar.

“Bagaimanapun, pasukan operasi berjaya memintas kedua-dua bot dinaiki empat suspek sebelum penggedahan dilakukan,” katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Mohd Abduh berkata, hasil pemeriksaan lanjut menemui beberapa peralatan digunakan untuk aktiviti pengeboman ikan bersama pelbagai hasil laut.

Katanya, empat suspek berusia 30 hingga 50 tahun itu ditahan dan peralatan dianggarkan bernilai RM26,130 termasuk bot serta hasil laut dirampas.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Bahan Letupan 1957,” katanya.



NELAYAN yang ditahan dalam Op Bersepadu Khazanah di perairan Pulau Tiga, Kuala Penyu.



29 AUG, 2021

Employing biotechnological approach to boost giant prawn production

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 1 of 3

Employing biotechnological approach to boost giant prawn production

PORT DICKSON: The giant river prawn or its scientific name *macrobrachium rosenbergii*, is a species of the palaemonid freshwater prawn, which has high domestic and export potential.

Realising this, a giant prawn farm owner here, Giva Kuppasamy, 36, took the initiative to apply biotechnological technique for the production of monosex prawn populations, thus ensuring there is continuous supply of broodstock.

"I used to work at a 100-acre giant prawn farm in Pahang in 2009 and I found that the main problem was maintaining the broodstock and that most projects require domestication of parent stocks and a lot of money was invested in research but there were no results.

"As such the giant prawn farming industry failed to develop, people were opening aquaculture ponds but they couldn't get supply of shrimp seeds, so in 2016 together with five partners, I started GK Aqua to begin the technique of all-male monosex culture of giant prawns," he told Bernama.

Giva, a University of Malaya biotechnology graduate said, the male giant prawn is 'paired' and bred using micro-surgical technique on the androgenic gland and this would transform



Giva at his giant prawn farm at Bukit Pelandok. — Bernama photos

the male into a fully-functioning neo-female.

According to Giva, the normal male prawns are injected with the enzyme ribonucleic acid interference (RNAi) to inhibit male development and transform them into neo-females which genetically are still males but are able to produce eggs.

When matured, he said the neo-female prawn would be 'paired' with the normal male parent for the mating process and almost all the seeds produced from the neo-female are males.

He said through this prawn production technique, its capacity could be increased and it only requires four months for the prawns to be fully developed

while the conventional method would usually take nine months.

"In this way too, farming operation costs can be reduced and the size of the prawn produced is three times the size of the ordinary giant prawn and based on clients' records, through this technique, from 100,000 seeds they could get returns of around 1,200 to 1,500 tonnes of giant prawns," he said.

Giva who hails from Perak but has been living in Negeri Sembilan for a long time, said he has received approval for the monosex culture technique from the Biosafety Department and the Genetic Modification Advisory Committee.

Elaborating, Giva said the



29 AUG, 2021

Employing biotechnological approach to boost giant prawn production

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 2 of 3



GK Aqua worker shows the mature giant prawns.

project started in 2016 on a one-acre lease land in Lenggang here, but it was moved to a farm in Bukit Pelonduk last year, after facing difficulties in obtaining nearby water source.

Giva said they were able to obtain over a million life seeds at the six-acre leased farm and earn a return of around RM100,000 a month, but following the Movement Control Order (MCO), the demand for the seeds had declined.

"At GK Aqua, the parent giant prawns are bred for 38 days before they are sold to customers who are usually fish pond business operators, so when the MCO was enforced and people are not allowed to go fishing, we were also affected," said Giva

who also has a master's degree in ecocultural sustainability from Scotland.

He said the Negeri Sembilan Fisheries Department (JPNS) often visits the farm to monitor the situation and get their supply of adult prawn broodstock.

Giva said that great care is needed in giant prawn farming as they must be monitored every hour, especially the water temperature and mineral content in the pond, adding that the water must be replaced every 15 days.

In addition, Giva said he was also planning to bring giant prawn farming or ugady to padi fields in the state, as an effort towards chemical-free crop production and help farmers to increase their income.

Meanwhile, JPNS director Halimi Abu Hanip said the effort by GK Aqua in monosex culture is seen as an industry 4.0 game changer which could help Negeri Sembilan in its aspiration to be the nation's freshwater prawn farming valley.

He said the giant prawn species can be sold at over RM70 per kilogramme and they are popular for recreational or sport fishing purposes, especially for fishing ponds.

On challenges faced by the livestock industry, he said most prawn breeders depend on wild adult prawns and the seed survival rate is also relatively low.

In addition he said, the COVID-19 pandemic which had forced fishing ponds to close had also left the prawns unsold.

On JPNS' efforts to ensure the prawn species will continue to be maintained, Halimi said the department is actively releasing the giant prawn seeds into rivers for the purpose of conserving its population in their natural habitat, including in Sungai Rembau-Linggi and Sungai Muar in Gemas.

"In terms of aquaculture, the department provides support, technical advisory services and input to assist farmers so that giant prawn farming can be expanded in Negeri Sembilan," he said. — Bernama



29 AUG, 2021

Employing biotechnological approach to boost giant prawn production

The Sunday Post (Kuching), Malaysia

Page 3 of 3

SUMMARIES

PORT DICKSON: The giant river prawn or its scientific name *macrobrachium rosenbergii*, is a species of the palaemonid freshwater prawn, which has high domestic and export potential. Realising this, a giant prawn farm owner here, Giva Kuppusamy, 36, took the initiative to apply biotechnological technique for the production of monosex prawn populations, thus ensuring there is continuous supply of broodstock.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
29/8/2021	BERITA HARIAN AHAD	PERSPEKTIF	27



Terpaut hati di jelapang padi

Oleh Noorazura Abdul Rahman dan Mohd Amin Jalil
bhnews@bh.com.my

Mendengar bunyi kicauan burung, bayu bertiuip lembut dan deruan air sungai sambil melihat pemandangan sawah padi yang indah membuatkan sesiapa sahaja terpaut hati untuk meneroka kawasan itu.

Panorama sawah padi terbentang luas boleh disaksikan di beberapa lokasi di negara ini mampu menjadi daya tarikan untuk agropelancongan.

Aktiviti seperti pesta menuai padi, mengemping, 'mengoca' ikan selepas musim menuai dan bermain bola sepak sawah, selain tinggal di chalet buluh atau kabin antara pengalaman paling mengujakan bagi merasai kehidupan desa.

Di Sabak Bernam, Sekinchan dan Sungai Besar, Selangor; Kedah, Perlis dan Negeri Sembilan antara negeri terkenal sebagai jelapang padi negara menyumbang berjuta-juta tan beras setahun untuk menampung keperluan penduduk.

Malah, banyak kawasan sawah padi atau bekas sawah boleh dipopularkan sebagai produk baharu pelancongan.

Panorama indah bendang dan pelbagai aktiviti menggamit pengunjung



Antara pelancong tempatan dan antarabangsa yang menjalankan penyelidikan dan menjadi sukarelawan di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik, di situ sebelum pandemik COVID-19. (Facebook Sri Lovely Organik Farm)

Menyusur ke Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik, di Sik, Kedah, umpamanya menjangkitkan pengalaman berbeza apabila ia diusahakan secara organik.

Menurut pengusahanya, Zakaria Kamantasha, 55, kawasan pesawah seluas 9.46 hektar itu diusahakan sejak 2009 bagi memastikan orang ramai dapat menikmati makanan asas yang sihat dan selamat.

Sejak mengusahakan pertanian organik, ladangnya mendapat perhatian pelancong dari seluruh dunia, sehingga majoritinya sanggup tinggal berbulan di situ untuk mempelajari teknik tanaman dan menjadi sukarelawan.

"Kira-kira 90 peratus pelancong dari luar negara seperti Amerika Syarikat, Perancis, United Kingdom, Korea Selatan, Jepun, Poland, New Zealand, Brazil, Arab Saudi, Indonesia, Belgium, Itali, Ireland dan lain-lain.

"Mereka adalah pelajar dan tenaga kerja profesional di negara tertentu yang mahu melakukan penyelidikan, belajar dan mempraktikkan cara tanaman di sini di negara mereka," katanya.

Antara pemandangan indah di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik

Keseronokan 'mengoca' ikan, bermain bola sepak sawah

Dari muka 27

Papar suasana perkampungan

Setiap pelancong yang menjadi suka-relawan boleh menginap di lapan chalet dibina menggunakan buluh dengan bayaran kira-kira RM30 sehari termasuk makan.

Selalunya mereka akan tinggal tiga bulan dan boleh menjangkau setahun mengikut keperluan penyelidikan mahu dilakukan.

"Kaedah penanaman padi organik dan beberapa tanaman lain seperti lemon dan durian berbeza kerana ia memabitkan beberapa prinsip unik seperti penyuburan tanah, pembenihan, penanaman, pembajaan dan pengairan tanpa membunuh serangga dan organisma baik dalam tanah.

"Prinsip dipraktikkan berhasil dan beras organik lebih berkualiti, menjimatkan sumber dan kos serta tanpa menjejaskan alam sekitar," katanya.

Ladang itu turut menonjolkan budaya dan adat perkampungan Melayu dengan pembabit penduduk setempat yang turut bekerja di situ.

Pelancong diberi nama baharu

Setiap pelancong tinggal di situ akan diberi nama baharu seperti Zulaikha, Umairah, Jamal, Huda, Abu Sufian dan nama lain dengan makna yang baik-baik.

"Pekerja memberi tunjuk ajar kepada pengunjung termasuk ada pelancong antarabangsa mengucapkan dua kalimah shahadat di ladang itu.

"Pelancong yang datang pasti akan menghubungi saya datang ke sini lagi, malah bagi mereka yang memeluk Islam, mereka akan terus mendalami agama di negara masing-masing," katanya.

Lohi pusat latihan pertanian organik

Kerajaan negeri dan universiti tempatan merancang menyediakan pelbagai program bagi meningkatkan kemahiran pertanian organik dalam golongan muda.

"Kami sedang merancang membantu anak asnaf di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) untuk belajar secara praktikal di sini selama enam bulan selepas pandemik COVID-19 reda," kata.

Menurut Ahli Parlimen Sik, Ahmad Tarmizi Sulaiman, selain Tasik Beris



menjadi perhatian pengunjung ke Sik, Sri Lovely Organik Farm turut diangkat sebagai agro dan ekopelancongan utama di daerah itu.

Permohonan sudah dihantar kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) untuk menjadikan ladang itu sebagai institut latihan pertanian organik bersepadu sebelum pandemik COVID-19.

"Belia menganggur akan belajar teori dan praktikal pertanian organik selepas diluluskan kerajaan negeri, pada 2019," katanya.

Iskru sawah di Negeri Sembilan

Tinjauan di Negeri Sembilan ada beberapa kawasan sawah padi dan bekas sawah berpotensi dijadikan sebagai produk agropelancongan kerana keunikannya dan kedudukannya strategik.

Perkampungan Budaya Terachi Kuala Pilah dan Kampung Sungai Buluh, Jebebu dipilih dan dimanfaatkan kerajaan Negeri Sembilan sebagai lokasi agropelancongan baharu di negeri itu.

Keindahan kawasan kampung tradisional yang dikelilingi sawah padi itu dieksploitasi pelancong tempatan dan luar negara.

Di samping itu boleh menikmati makanan tradisional Kuala Pilah di pelbagai tempat.

Bola sepak sawah

Aktiviti 'mengoca' ikan dan bola sepak sawah, diadakan saban tahun dan begitu terkenal dalam kalangan masyarakat negeri Adat Perpatih itu, antara aktiviti dinanti-nantikan.

Setiap tahun ia mencuri tumpuan

selain menangkap ikan dan bermain bola di dalam kawasan sawah.

Di sini ada lapan kolam ngoca disediakan. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Sembilan di bawah Skim Pengairan Terachi Batu 17, seluas dua hektar.

Menteri Besar Negeri Sembilan, Datuk Seri Aminuddin Harun sebelum ini mengumumkan kerajaan negeri akan pelbagai aktiviti menarik termasuk penanaman padi pulut dikenali sebagai 'Padi Pulut Seri Menanti' (satu tapak) dan padi biasa (tujuh tapak) diusahakan penduduk tempatan dan menjadi sumber pendapatan mereka.

Selain itu, di Kampung Sungai Buloh, terdapat kawasan sawah padi seluas 187 hektar.

Kawasan sawah padi dilihat berpotensi dijadikan lokasi agropelancongan seperti di Sungai Sireh Tanjung Karang

Perlawanan bola sepak dalam sawah padi antara aktiviti yang menjadi tradisi masyarakat Negeri Sembilan.

Kawasan sawah bersebelahan Kompleks Perkampungan Budaya Terachi Kuala Pilah yang dinaikkan taraf sebagai pusat agropelancongan. (Foto Mohd Amin Jalil/BH)

Pengusaha padi organik, Zakaria menunjukkan beras organik yang dihasilkan di Sri Lovely Organik Farm, Kampung Lintang, Belantik, di sini. (Foto Noorzura Abdul Rahman/BH)

dan Sawah Padi Sekinchan, Selangor. Tahun lalu, sebanyak 1,470 tan metrik padi dihasilkan daripada kawasan ini bernilai RM1.7 juta.

"Ini menunjukkan potensi besar sawah padi ini untuk dikembangkan bukan sahaja dalam aspek pertanian, malah agro-pelancongan menerusi kawasan sawah padi.

Pesta menuai padi

Pegawai Daerah Jebebu, Abdul Rahim A Aziz, berkata perkara menarik adalah pesta menuai padi, mengemping, mengoca dan sukan rakyat, manakala Empang Sungai Buluh dan Dataran Kenaboi adalah lokasi terakhir bagi program berkayak peringkat antarabangsa.

"Dengan penambahkkan kemudahan awam dan fasiliti kawasan itu mampu menjadi tanda baharu berkaitan sawah padi dan pusat informasi sebagai pusat rujukan berkaitan padi serta proses penghasilan beras," katanya.

"Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyebabkan kampung itu sepi seketika daripada kunjungan pelancong.

"Kami berharap agar Kampung Sungai Buluh kembali ceria dengan kunjungan pelancong dan hasrat kerajaan negeri untuk memilih kampung ini sebagai destinasi pelancongan wajib di negeri itu," katanya.

